

SULIT



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS	:	KEJURUTERAAN PEMBINAAN
KOD KURSUS	:	DAC 32003
KOD PROGRAM	:	DAA
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2019 / JANUARI 2020
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT SAHAJA
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG TIGA (3) MUKA SURAT

**TERBUKA**

**SULIT**

**S1** (a) Proses pembinaan bangunan meliputi segala aktiviti yang dilakukan di tapak bina bagi memenuhi kehendak lukisan dan penentuan yang terkandung dalam sesebuah dokumen kontrak. Nyatakan **empat (4)** peringkat yang terlibat dalam proses pembinaan.

(4 markah)

(b) Namakan **empat (4)** jenis lukisan yang digunakan dalam kejuruteraan pembinaan.

(4 markah)

(c) Salah satu contoh kerja tanah ialah penyediaan aras pembentukan (*formation level*) seperti yang diperlukan dalam lukisan. Dengan membantuan rajah, terangkan **tiga (3)** kaedah penyediaan aras pembentukan tanah.

(12 markah)

(d) (i) Terangkan **dua (2)** fungsi pancang tanda.

(4 markah)

(ii) Nyatakan jarak minimum di antara pancang tanda dengan garis bangunan.

(1 markah)

**S2** (a) Asas merupakan struktur bangunan yang berperanan mengalirkan dan menyebarkan berat dan beban bangunan ke bahagian tanah yang paling selamat. Jelaskan **tiga (3)** faktor yang perlu dipertimbangkan semasa pemilihan jenis asas.

(9 markah)

(b) Jelaskan **empat (4)** jenis beban yang ditanggung oleh asas.

(8 markah)

(c) Ujian untuk cerucuk dijalankan untuk mengetahui keupayaan cerucuk yang telah ditanam. Salah satu contoh ujian cerucuk ini ialah ujian beban dipertahankan. Jelaskan prosedur ujian ini.

(8 markah)

**S3** (a) Jelaskan **dua (2)** fungsi perancah.

(4 markah)

(b) Namakan dan terangkan **tiga (3)** jenis perancah kerja ringan dan rendah.

(9 markah)

(c) Anda bertugas sebagai Penyelia Tapak di sebuah tapak bina. Mengikut perancangan kerja, satu kerja konkrit lantai di tingkat 2 akan dijalankan pada hari berikutnya. Anda perlu memastikan semua peralatan dan loji disediakan bagi memastikan kelancaran kerja tersebut. Kenalpasti dan senaraikan **tiga (3)** peralatan tidak berjentera dan **tiga (3)** peralatan berjentera yang akan digunakan bagi kerja tersebut.

(6 markah)

(d) Nyatakan **tiga (3)** kebaikan dan keistimewaan menyewa jentera/loji.

(6 markah)

**TERBUKA**

- S4** (a) Senaraikan **enam (6)** jenis infrastruktur. (3 markah)
- (b) Struktur turapan tegar terdiri daripada beberapa lapisan bahan yang berbeza. Lakarkan ketebalan setiap lapisan bahan bagi Jalan Persekutuan. (8 markah)
- (c) Dengan berbantuan lakaran gambarajah, terangkan perbezaan kaedah bekalan air secara langsung dan secara tidak langsung. (10 markah)
- (d) Terangkan dengan ringkas maksud kerja tanah serta nyatakan **dua (2)** contoh aktiviti yang terlibat dalam kerja tanah. (4 markah)

- SOALAN TAMAT -

**TERBUKA**